

BAB 2

**PROSES KEMASUKAN DAN
PERKEMBANGAN MASYARAKAT
MELAYU-PATANI
DI KUALA TERENGGANU**

BAB 2 PROSES KEMASUKAN DAN PERKEMBANGAN MASYARAKAT MELAYU PATANI DI KUALA TERENGGANU

2.1 LATAR BELAKANG PENGHIJRAHAN DAN PENEMPATAN

Penghijrahan berperingkat masyarakat Melayu Patani (MP) ke Kuala Terengganu adalah didorong oleh faktor-faktor tertentu seperti hubungan politik, agama dan ekonomi. Proses kemasukan ini adalah merangkumi beberapa tahap status sosial termasuklah golongan diraja dan kerabatnya, ahli agama dan juga rakyat jelata.

Sumber sejarah Terengganu sendiri telah mengemukakan bagaimana kisah kedatangan lapan puluh keluarga Melayu Patani yang mengiringi Tun Zainal Abidin ke Terengganu untuk ditabalkan sebagai Sultan Terengganu di Tanjung Baharu, Kuala Berang pada 1702M.¹ Rombongan tersebut telah mendirikan sebuah perkampungan berhampiran dengan kawasan istana (Bukit Keledang) iaitu dikenali sebagai Kampung Petani/Patani yang kekal sehingga ke hari ini.² Namun sewaktu Tun Zainal Abidin berada di Patani, beliau telah berkahwin dengan saudara sepupu Phra Nang Chao Yang iaitu

¹ Haji Muhammad Saleh bin Haji Awang (MISBAHA), *Terengganu Dari Bentuk Sejarah*, Utusan Melayu Publications & Distributors, Kuala Lumpur, 1978, hlm.103 ; *Sejarah Darul Iman Hingga 1361H – 1942M*, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Terengganu, Kuala Terengganu, 1992, hlm.106. ; Lihat juga Ahmad Fathy al-Fatani, *Pengantar Sejarah Patani*, Pustaka Darussalam, Alor Setar, 1994, hlm. 40 ; Mohd Zamperi A. Malek, *Umat Islam Patani ; Sejarah & Politik*, Penerbitan Hizbi, Shah Alam, 1993, hlm. 91.

² Sheppard, M.C. ff., *A Short History of Trengganu, JMBRAS*, Vol. XXII, Pt. 3, June 1949, hlm. 10.

Nang Rugayah dan kemudiannya bergelar Che Puan Besar. Pusat pemerintahan di Tanjung Baharu tidak berkekalan dan ianya berpindah pula ke beberapa tempat lain iaitu ke Langgar, Pulau Manis, Chabang Tiga dan akhirnya di Bukit Keledang (Kota Lama).³

Terengganu telah lama menjalin hubungan dagangan dengan Patani. Terengganu pernah mengimport garam dan lain-lain hasil daripada Patani. Malah ramai daripada para pedagang Melayu Patani yang menjalankan kegiatan ekonomi di Terengganu terus menetap di sana sepetimana di Pengkalan Maras dan lain-lain tempat.

Pada hakikatnya Patani telah mengalami pertempuran dengan Siam sebanyak 11 kali. Peperangan demi peperangan yang berlaku ini telah secara langsung mendorong ramai masyarakat Melayu Patani berhijrah ke seluruh pelusuk nusantara dan Asia Barat. Ianya termasuklah Semenanjung Tanah Melayu, Betawi, Sulawesi Selatan, Kalimantan Barat, Kepulauan Riau, Siak Seri Inderapura, Jambi, Aceh, Brunei, Makkah, Mesir dan Turki.⁴ Pengalaman ini turut dialami oleh Syeikh Daud al-Fatani⁵ dan para pengikutnya yang terpaksa berundur dari medan jihad menentang pihak Siam.

³ MISBAHA, *op.cit.*, hlm.103 ; Sheppard , M.C. ff, *op.cit.*, hlm. 10-11.

⁴ Haji Wan Mohd Shaghir Abdullah, Peranan Orang Melayu Patani di Dunia Perantauan, *Simposium Wilayah Perbatasan Malaysia - Thailand*, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia (16 Mac 1996),hlm. 2.

⁵ Nama penuh beliau ialah Al-Alim Allamah ^A
Daud bin Syeikh Wan Abdullah bin Syeikh Wan Idris

Beliau bersama pengikutnya telah berundur ke Pulau Duyong untuk menyusun strategi.⁶

Manakala kedatangan kelompok rombongan ahli keluarga Tuk Syeikh Qadi (bapa Tuk Syeikh Duyong) ke Pulau Duyong berlaku selepas daripada peristiwa huru-hara akibat perselisihan di antara Datuk Pengkalan Raja Patani dengan Panglima Dajang pada 1808M.⁷ Datuk Pengkalan Raja telah mengalami kekalahan teruk dan turut terkorban di tangan Panglima Dajang (pembesar keturunan Siam) yang dibantu sepenuhnya oleh tentera Siam di Ligor (di bawah pimpinan Pya Kalahom). Nasib yang dialami oleh Datuk Pengkalan Raja tersebut telah menyebabkan para pembesar dan ramai rakyat jelata lari menyelamatkan diri ke selatan. Mereka yang terlibat ini termasuklah keluarga Tuk Syeikh Qadi (Wan Mohd Amin bin Wan Yaacub). Tuk Syeikh Duyong yang masih kecil pada ketika itu turut dibawa bersama ke Kelantan, namun desakan Siam yang mahu mereka menyerah diri menyebabkan sekali lagi mereka berhijrah ke Terengganu. Mereka terus memohon perlindungan daripada Sultan Terengganu (Baginda Sultan Omar)

⁶ Haji Wan Mohd Shaghir Abdullah, *Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani ; Ulama' dan Pengarang Terulung Asia Tenggara*, Penerbitan Hizbi, Shah Alam, 1990, hlm.

⁷ Mohamad bin Abu Bakar, Haji Wan Abdullah bin Haji Wan Mohd Amin (Tuk Syeikh Duyong), *PESAKA IV*, Monograf Lembaga Muzium Negeri Terengganu, 1987, hlm. 90. Sekarang (YB) En. Mohamad bin Abu Bakar merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri Bukit Tunggal, Kuala Terengganu (1995 - 2000) ; juga adalah Timbalan Yang Dipertua Persatuan Sejarah Terengganu.

sejurus selepas sampai ke sana.⁸

Peperangan yang dahsyat juga pernah berlaku pada 30 Mac 1832 antara orang-orang Melayu Patani yang dibantu oleh orang Melayu dari Terengganu dan Kelantan dengan pihak Siam. Walaupun demikian, pihak orang Melayu Patani mengalami kekalahan dan sewaktu pengunduran angkatan sokongan dari Kedah, Kelantan dan Terengganu, tentera Siam telah mengambil kesempatan menyiksa umat Islam di Patani.

Malah daripada 54,000 orang penduduk bandar Patani yang dirundung malang itu, terdapat seramai 6,000 orang yang telah dibawa ke Bangkok sebagai tawanan perang sedangkan 4,000 orang yang berjaya menyelamatkan diri telah berhijrah ke negeri Kedah, Kelantan, Terengganu, Pahang, Langkat di timur Sumatera dan seluruh Kepulauan Nusantara.⁹ Antaranya termasuklah pemerintah Patani dan ahli keluarganya yang telah melarikan diri ke Kelantan, manakala pemerintah Reman dan Nongchik pula ke Perak.¹⁰

Dalam pada itu, ramai panglima-panglima perang Patani yang berlindung di Kelantan dan Terengganu. Sultan Terengganu (Sultan Mansur Syah) pada masa itu telah didesak oleh Chao Phraya Phra' Khlang supaya menyerahkan panglima Patani yang berlindung di Terengganu, iaitu Panglima

⁸ *ibid.*

⁹ Mohd Zamperi A. Malek, *Umat Islam Patani ; Sejarah dan Politik*, Penerbitan Hizbi, Shah Alam, 1993, hlm. 110.

¹⁰ Phraya Wichiankhiri, *Phongsawadan Muang Songkhla (Chronicle of Songkhla)*, Wachirayan National Library Compiler, No.3 of Prachum Phongsawadan, Bangkok, Thailand, 1914, hlm. 54.

Muhammad, Panglima Damit, Panglima Ahmad dan Panglima Pik kepada Siam. Pada awalnya, Sultan Terengganu berkeras tidak mahu menyerahkan panglima-panglima tersebut kepada Siam, tetapi terpaksa akur dengan tuntutan itu apabila pihak Siam menghantar sebuah kapal perang ke perairan Terengganu.¹¹

Terdapat seorang lagi tokoh ulama yang datang bersama-sama dengan Tok Syeikh Qadi iaitu Syeikh Abdul Kadir Bukit Bayas¹². Nama sebenar beliau ialah Haji Wan Abdul Kadir bin Wan Abdul Rahim (Tuk Wan Derahim).¹³ Pada peringkat awalnya, beliau dan keluarganya telah berhijrah bersama dan telah menetap buat sementara waktu di Kampung Patani sebelum berpindah ke Bukit Bayas.¹⁴ Akhirnya generasi beliau turut berkembang di Bukit Bayas hingga ke hari ini.

¹¹ Mohd Zamberi A. Malek, *op.cit.*, hlm. 111. Lihat juga Tarling, Nicholas, *British Policy Peninsula and Archipelago, 1824 - 1871*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1969, hlm. 43-44. Menurut Mohd Zamberi A. Malek juga, Sultan Mansur Syah II (1831 – 1836) pernah menghantar bantuan ketenteraan ke Patani yang dipimpin oleh Panglima Tengku Idris, Panglima Gulam, Panglima Wan Kamal dan Panglima Ismail. *op.cit.*, hlm. 108. Menurut Tarling, panglima yang terlibat adalah Panglima Mahmud, Panglima Hamid, Panglima Ahmad dan Panglima Pik. Terdapat perbezaan nama antara Panglima Mahmud (oleh Tarling) dan Panglima Muhammad (oleh Mohd Zamberi).

¹² Kedua-duanya meninggalkan keturunan yang ramai di Terengganu dan kesemuanya berpangkalkan nama ‘Wan’. Malah ramai di kalangan tokoh-tokoh ulama’ dan juga pentadbir di Terengganu adalah dari keturunan mereka seperti Tok Sheikh Duyong, Tuk Kaya Duyong, Dato’ Indera Guru, Dato’ Kamal Wangsa, Dato’ Purba Diraja dan lain-lain. Lihat lampiran *Salasilah Keturunan Nakhoda Wangkang (Champa) dan Fakih Ali al-Malbari (Bugis)*.

Pada masa kini masih lagi terdapat tiga sumber mengenai salasilah tersebut iaitu daripada cucu-cicitnya sendiri, simpanan Allahyarham Haji Mohd Salleh Haji Awang (MISBAHA) dan simpanan Datuk Perdana Menteri Paduka Raja Kelantan (*JMBRAS*, Ogos 1934). Sila lihat Mohamad bin Abu Bakar, *op.cit.* hlm. 83.

¹³ Beliau merupakan bapa sepupu kepada Tok Syeikh Duyong dan dua pupu kepada Sheikh Wan Daud al-Fatani. Lihat Mohd Shafie Abu Bakar, *Sejarah Perkembangan dan Pengaruh Pemikiran Ulama-Ulama Silam dalam Kehidupan Masyarakat Terengganu dan Alam Melayu, Seminar Islam di Terengganu*, Wisma Darul Iman, Kuala Terengganu, pada 14 - 17 Julai 1991, hlm. 57.

¹⁴ Umar bin Musa, *Sheikh Abdul Kadir Bukit Bayas, Seminar Tokoh Islam Negeri Terengganu, 2 - 4 Muharram 1408/ 27 - 29 Ogos 1987*, hlm. 6.

2.1.1 POLA PENEMPATAN

Penempatan awal masyarakat Melayu Patani di Kuala Terengganu bukan sahaja di Pulau Duyong, Chabang Tiga/Losong, Bukit Bayas, malah juga di Kampung Petani (sebenarnya Kampung Patani) yang bertempat di pusat bandar Kuala Terengganu.

Berdasarkan kepada peta yang terlampir, pola penempatan masyarakat Melayu Patani pada peringkat awalnya mungkin dipengaruhi oleh beberapa faktor tertentu.

Faktor-faktor yang terlibat ialah status mereka dalam masyarakat pada masa itu iaitu sama ada mereka merupakan golongan diraja dan kaum kerabatnya ataupun para ulama dan cendekiawan sehingga kelas rakyat bawahan. Faktor pemilihan kawasan penempatan adalah tidak jelas pada peringkat awalnya. Namun demikian, perpindahan pusat pemerintahan dari Tanjung Baharu ke Bukit Keledang dapat menjelaskan bahawa kawasan yang strategik dan sesuai adalah penting untuk dijadikan ibu negeri. Oleh yang demikian, barangkali Sultan Zainal Abidin I telah melihat bahawa Kuala Terengganu lebih berupaya memainkan peranan yang penting ke arah itu. Pada masa itulah pengiring-pengiringnya yang terdiri daripada masyarakat Melayu Patani terus menetap dan membina sebuah perkampungan berdekatan Bukit Keledang iaitu Kampung Petani. Adalah berkemungkinan bahawa pada masa tersebut kawasan penempatan di Kuala Terengganu masih mempunyai ruang yang mereka boleh memilih satu kawasan yang luas untuk dijadikan

penempatan baru. Ini adalah kerana sebagai kaum pendatang, mereka mungkin merasakan bahawa adalah tidak wajar untuk terus menetap di kawasan yang telah dihuni oleh ramai penduduk tempatan. Unsur identiti dan proses penyesuaian ini seolah-olah menjadi suatu kriteria kepada mereka sama ada mudah ataupun sukar untuk melalui proses sedemikian.

Pada peringkat pertama, sewaktu Sultan Zainal Abidin I bertolak dari Patani dan seterusnya ditabalkan di Tanjung Baharu (Kuala Berang) pada 1702, baginda diiringi oleh sejumlah 80 kelamin masyarakat Melayu Patani. (lihat peta 2) Kemudiannya, baginda berpindah pula ke tempat yang lain iaitu Langgar, Pulau Manis, Chabang Tiga dan akhirnya ke Bukit Keledang (Kota Lama). Manakala pengikutnya yang terdiri daripada 80 kelamin masyarakat Melayu Patani itu telah mendirikan suatu perkampungan yang dinamakan sebagai Kampung Petani/Kampung Patani yang berdekatan dengan istana Sultan. Namun demikian, tidak ada sumber yang menyatakan bahawa pengiring Sultan Zainal Abidin tersebut adalah terdiri daripada kerabat diraja Patani, kelas pertengahan atau kelas bawahan.

Pada peringkat kedua pula, penghijrahan kumpulan Tok Sheikh Qadi dan Sheikh Abdul Kadir Bukit Bayas ke Pulau Duyong pada 1832 . Kedatangan mereka ini adalah disebabkan oleh faktor pergolakan politik di Patani. Tetapi sebelum itu Sheikh Daud Fatani juga pernah berundur dari medan perang di Patani ke Pulau Duyong. Oleh yang demikian, berkemungkinan bahawa Pulau Duyong sememangnya telah dijadikan asas tapak yang ditinggalkan oleh Sheikh Daud Fatani dan kemudiannya disusuli

pula oleh kelompok Tok Sheikh Qadi yang menghadapi masalah yang sama di tempat tersebut.

Oleh yang demikian, adalah jelas bahawa pola dan juga bentuk penghijrahan masyarakat Melayu Patani ke Kuala Terengganu pada masa itu adalah secara berkelompok dan berkumpulan. Pola penghijrahan seumpama ini berlaku semasa pertabalan Sultan Zainal Abidin I di Tanjung Baharu hingga ke Kota Lama, keluarga dan pengikut Syeikh Daud Fatani, Tok Syeikh Qadi dan Syeikh Abdul Kadir Bukit Bayas.

Kelompok masyarakat Melayu Patani yang baru datang pula menunjukkan pola yang berbeza dengan penghijrahan yang tidak teratur dan terancang. Fenomena ini menyebabkan kehadiran dan pola kedudukan mereka di Kuala Terengganu adalah berselerak dan tidak berfokus pada kawasan tertentu. Berdasarkan kepada kajian yang dibuat, didapati bahawa kebanyakannya mula berhijrah dan merantau ke Terengganu pada awal tahun 1980 – an. Penghijrahan ini meliputi dua peringkat iaitu mereka yang berhijrah terus ke Terengganu dan ada yang mulanya singgah di Kelantan sebelum ke Kuala Terengganu. Sekiranya motif penghijrahan masyarakat Melayu Patani pada peringkat awalnya adalah kerana faktor politik, tetapi pada waktu ini motif tersebut telah mula berubah kepada ekonomi. Walaupun bukan kesemuanya berhijrah ke Kuala Terengganu pada awal dekad yang lepas ini mempunyai motif yang sama, terdapat juga sebilangan daripada mereka yang merupakan pelarian politik. Secara umumnya dapat dirumuskan bahawa faktor penolak iaitu perkembangan semasa dalam negeri atau tanah

air sendiri amat mempengaruhi motif atau tujuan penghijrahan mereka ke suatu tempat yang lain. Kebanyakannya menyewa rumah dan menjalankan perniagaan sendiri. Analisis secara lebih lanjut akan dikemukakan dalam Bab 6.


2.2 PERKEMBANGAN PENEMPATAN

Kedua-dua keturunan Syeikh Abdul Kadir Bukit Bayas dan Tok Syeikh Duyong telah menyebar ke merata kawasan di Kuala Terengganu termasuklah Pulau Duyong dan Bukit Bayas sendiri serta lain-lain tempat seperti di Chabang Tiga, Losong, Bukit Besar dan Tanjung.

2.2.1 Perkembangan Penempatan Awal di Kampung Patani

Penempatan paling awal masyarakat Melayu Patani adalah dipercayai di Kampung Patani yang mula wujud semenjak kedatangan 80 kelamin masyarakat Melayu Patani yang mengiringi Sultan Zainal Abidin I (1702 - 1726) ke Bukit Keledang (Kuala Terengganu). Tarikh yang tepat wujudnya Kampung Patani tidak dapat dipastikan dan berkemungkinan antara tahun-tahun zaman pemerintahan Sultan Zainal Abidin I tersebut. Ini adalah kerana sebelum daripada pusat pemerintahan kekal di Bukit Keledang (Kota Lama), Kuala Terengganu, ianya telah melalui beberapa tempat di Hulu Terengganu seperti di Tanjung Baharu (Kota Batang Mahang), Kuala Berang hingga ke Langgar, Pulau Manis dan Chabang Tiga. (lihat peta 2)

PETA 2 : PROSES PERPINDAHAN AWAL TAPAK KESULTANAN TERENGGANU SEMASA ZAMAN SULTAN ZAINAL ABIDIN I (1702 – 1733 M)



Sumber : Data bertulis yang diterjemahkan dalam bentuk peta (kaji selidik)

Malah sekumpulan 80 kelamin itu sendiri tidak dapat dikenalpasti sama ada terdiri daripada kelas pemerintah atau aristokrat, pembesar, ulama, tukang mahir, rakyat biasa atau sebagainya. Dalam pada itu, pengkaji berpendapat bahawa sudah semestinya dari kalangan 80 kelamin itu terdiri daripada mereka yang mempunyai tugas dan amanah untuk bersama membangunkan pemerintahan yang didokong oleh Sultan Zainal Abidin I tersebut. Walaupun demikian, pada hari ini sudah tiada lagi masyarakat Melayu Patani yang tinggal di Kampung Patani sendiri.¹⁵ Malahan berdasarkan kepada senarai pemegang tanah di Kampung Petani tersebut, didapati bahawa hanya seramai 19 orang Melayu yang menjadi tuan tanah dan selebihnya sebanyak 18 orang Cina dan satu lot tanah kerajaan. Di samping itu, daripada keseluruhan lot yang ada di Kampung Patani itu, orang Melayu hanya memegang 14 lot sedangkan Bukan Bumiputera sebanyak 29 lot. (sila lihat jadual 2(a) di sebelah). Proses perubahan pemilikan tanah di Kampung Patani dari tahun 1957 hingga 1997 dapat digambarkan sepertimana Jadual 2(b) di Lampiran B.

¹⁵ Hasil temubual bersama Encik Haji Che Ahmad bin Musa yang tinggal di alamat 20-A, Kampung Patani pada 9 Januari 1996. Beliau berumur 72 tahun dan merupakan pesara yang pernah bekerja di Istana Badariah dari tahun 1947 hingga 1962. Haji Che Ahmad adalah satu-satunya warga paling tua yang masih hidup di Kampung Patani.

**JADUAL 2(a) : SENARAI LOT TANAH KAMPUNG PETANI,
KUALA TERENGGANU, 1996.**

BIL	NO. HAK MILIK	NO.LOT	NAMA	ALAMAT	KEGUNAAN
1.	GN 4130	3876(951)	Fatimah Yusof W.Salma bt.Nik W.Hindun b. Nik		Tiada
2.	GN 2466	3875(201)	Habeah bt. Mohd Hassan Riau Aminah bt. Mohd Hassan Ibrahim b. Mohd Hassan Abdullah b. Mohd Hassan Tunas Motors Sdn. Bhd.	12-N, Jln. Engku Sar, Off Jln. Kota Lama, KT.	Tiada
3.	GN 2467	202	Tunas Motors Sdn. Bhd.	14, Jln. Air Jernih, KT	Rumah Kedai
4.	GN 4242	103	Ah Lim @ Tang King Seng	37, Jln. Paya Bunga, KT	Kediaman
5.	GN 7994	PA 14663 (3491)	T.T.I Sdn.Bhd.	7/10 Tkt.7, Kompleks Kg. Tiong, KT	Rumah Kedai
6.	GN 2717	949	Teo Chai Teak dll	9, Bkt. Besar,KT	Kediaman
7.	GN 2586	950	Che Embong b. Abdul Rahim	13, Kg. Petani,KT	Kediaman
8.	GN 2480	948	Teo Choo Hong @ Teo Choo Fong dll	33 A, Jln Sultan Zainal Abidin, KT	Tiada
9.	GN 2470	590	Mohamed Hashim b. Che Nik Omar	Hospital Besar, KT	Rumah Kedai
10.	GN 2474	596	Wan Zaki Ibrahim	1244, Kg.Duyung Bukit Tok Bong, KT	Tempat Kediaman
11.	GN 2472	593	Che Ahmad b. Musa	20-A, Kg.Petani,KT	Kediaman
12.	GN 3836	591 1751 P 1752 P	Poo Thee Wan @ Foo Chee Leok dll Poo Thee Wan @ Foo Chee Leok dll	21-A, Jln Tok Lam ,KT -ada-	Tiada Tiada
13.	GN 2585	944	Quek Peck Ngo	9, Jln. SS 25/11, Petaling Jaya, 3'gor	Kediaman
14.	GN 2477	945	Ang Cher Koos dll	33-A, Jln Petani,KT	Rumah Kedai
15.	GN 2478	946	Mokhtar b. Muda	15, Kg. Petani, KT	Kediaman
16.	GN 2476	943	Che Omar b. Che Hassan		Kediaman
17.		309	Tanah Kerjaan		
18.	GN 3446	1404	Mohsin b. Hj Ahmad dll	195-E, Jln Dato' Jaya, Bt. Buruk, KT	Kediaman
19.	GN 6797	1703	Ding Bing Ciong Sdn.Bhd. dll	66, Jln Air Jernih, KT	Kediaman
20.	GN 3447	1405	Mutiah bt. Hj Ahmad dll	195-E, Jln Dato' Jaya, Bt.Buruk, KT	Kediaman
21.	GN 5248	1516	Che Minah @ Munah bt. Abdullah	11, Kg.Petani,KT	Kediaman
22.	GN 4660	1514	Ali b. Long	20, Jln Petani, KT	Kediaman
23.	GN 7995	3499	Teong Huat Bros Auto Spares (T)	28, Jln. Hiliran, KT	Industri
24.	GN 7993	3497	-ada-	-ada-	Kediaman
25.	GN 5852	1816	Yap Fook On	1-A Jln Syed Hussein, KT	Kediaman
26.	GN 5853	1817	Lijah bt. Bakar dll	759 Padang Negara,KT	Rumah Kedai
27.	GN 5854	1818	Tob Pee Lox Sdn.Bhd.	40-D Jln. Tok Lam, KT	Rumah Kedai
28.	GN 5855	1819	Lim Poh Lin	40-C, Jln Tok Lam, KT	Rumah Kedai
29.	GN 5856	1820	Dato' Tok Teng Sai - Penguass	37-D, Jln Tok Lam, KT	Rumah Kedai
30.	GN 5857	1821	Pang Chee Chiang	120-Q, Lrg Pandan, Bt. Buruk, KT	Rumah Kedai
31.	GN 5858	1822	Teo Siew Ngoh	66 Jln Bandar, KT	Rumah Kedai
32.	GN 5859	1823	Yap Fook On	1-A, Jln Syed Hussein, KT	Kediaman
33.	GN 9760	1837	Abd. Aziz b. Mohamed Yunus dll		Tiada
34.	GN 9757	1834	Tan Mong Seng	105-107, Jln Banggal,KT	Tiada
35.	GN 9758	1835	-ada-	-ada-	-ada-
36.	GN 9759	1836	-ada-	-ada-	-ada-
37.	GN 6790	1696	Ding Bing Ciong Sdn.Bhd. dll	66, Jln Air Jernih, KT	Rumah Kedai
38.	GN 6791	1697	-ada-	-ada-	-ada-
39.	GN 6792	1698	-ada-	-ada-	-ada-
40.	GN 6793	1699	-ada-	-ada-	-ada-
41.	GN 6794	1700	-ada-	-ada-	-ada-
42.	GN 6795	1701	-ada-	-ada-	-ada-

Sumber : *Pejabat Tanah & Galian Negeri Terengganu, Wisma Darul Iman, Kuala Terengganu, 1996.*

Di samping itu, kelahiran Kampung Patani tersebut turut disusuli dengan kewujudan Jalan Petani/Patani pada hari ini (lihat peta 3 dan 4). Namun begitu Jalan Petani yang selama ini dipertahankan telah mengalami nasib yang tidak baik apabila sebahagian daripadanya telah ditukar kepada Jalan Dato' Isaacs.¹⁶

Jalan Dato' Isaacs ini merangkumi sebahagian Jalan Petani, Jalan Masjid Abidin dan Jalan Sultan Sulaiman. Pada 14 November 1987, Kerajaan Negeri Terengganu telah menerima satu permohonan daripada MIC (Malayan Indian Congress) Terengganu supaya menukar nama Jalan Air Jernih kepada Jalan Dato' Isaacs.¹⁷ Namun demikian, permohonan tersebut tidak dapat dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri.


Hasil daripada itu, satu rayuan telah dibuat oleh MIC pada 7 Julai 1986 agar menukar nama salah satu daripada 3 jalan kepada Jalan Dato' Isaacs iaitu Jalan Kg. Dalam, Jalan Tok Lam dan Jalan Kg. Petani.¹⁸ Dalam pada itu, Menteri Besar Terengganu telah menerima surat beserta memorandum daripada Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Terengganu pada 6 Jun 1988 supaya mengekalkan Jalan Petani yang sedia ada berdasarkan alasan fakta sejarah berkenaan kampung tersebut perlu

¹⁶ *Warta Kerajaan Negeri Terengganu*, Jilid 40, 5 November 1987, No.23.

¹⁷ Dato' Isaacs merupakan pengasas Sekolah Grammar di Terengganu dan tapak awal sekolah tersebut terletak di Kampung Dalam (berhampiran Kg. Petani). Beliau telah bermastautin lebih dari 40 tahun di Jalan Petani, maka dengan sebab itulah Jln. Petani ditukar kepada namanya untuk mengenangkan jasa beliau terhadap pertumbuhan dan perkembangan pendidikan di Terengganu.

¹⁸ Lihat *Kertas Mesyuarat (Lalulintas)* Bil. 2/86 dalam MPKTR 13/1-23 – (34), 20 November 1986.


dipertahankan.¹⁹ Namun demikian, akhirnya memorandum itu terpaksa ditolak dan mewartakan juga Jalan Petani kepada Jalan Dato' Isaacs pada 5 November 1987. (lihat gambar 2.1 dan 2.2)



Gambar 2.1: Kekeliruan yang timbul antara Jalan Petani dan Jalan Dato' Isaacs.


¹⁹ Lihat SUK.TR. 572/111/Bhg.3, 27 Jun 1988.

**PETA 3 : LAKARAN KEDUDUKAN ASAL JALAN PATANI DI
BANDAR KUALA TERENGGANU PADA TAHUN 1933**



Sumber: Disesuaikan dari Peta Jabatan Ukur dan Pemetaan Terengganu, 1996. (42 - C - II - 11 [Lama])

PETA 4 : PERUBAHAN KEDUDUKAN JALAN PATANI PADA TAHUN 1996




Sumber : Disesuaikan dari Peta Jabatan Ukur dan Pemetaan Terengganu, 1996. (42 - C - II - 11 [Baru])



Gambar 2.2 : Jalan Petani yang asal menghala ke Masjid Abidin.



Gambar 2.3 : Salah sebuah premis perniagaan yang beroperasi di Jalan Petani turut menggunakan nama tersebut sebagai nama premis.



Gambar 2.4 : Jalan Kg. Dalam yang telah diubah kepada Jalan Kg. Petani.

2.3 PERKEMBANGAN MASYARAKAT MELAYU PATANI YANG BERPANGKAL NAMA “WAN” DI KUALA TERENGGANU.

Kajian terhadap asal usul masyarakat Melayu yang berpangkalkan nama WAN ini pernah dikemukakan oleh seorang ahli akademik tempatan yang membuat perbandingan stratifikasi sosial kerabat Nik, Wan dan Che di Kelantan.²⁰ Kajian beliau sedikit sebanyak telah menyentuh berkenaan susur galur kekerabatan Nik, Wan dan Che, bentuk kekeluargaan dan perkahwinan seterusnya latar belakang ekonomi dan pendidikan. Di samping itu juga, terdapat seorang pelajar yang lain telah cuba mencungkil kajian yang hampir sama di dalam bentuk latihan ilmiah di peringkat Sarjana Muda. Kajian tersebut bertajuk *Stratifikasi Sosial Kerabat Nik, Wan dan Che’ ; Satu Kajian Kes di Kuala Terengganu*²¹ telah mengutarakan asal usul istilah Wan yang dipakai pada nama sekelompok masyarakat di Terengganu dan lain-lain tempat. Beliau telah memetik asal nama keturunan WAN daripada salasilah keturunan Raja-Raja Kelantan yang mencatatkan tentang Sayid Hussin Jamadil Kubra yang berkahwin dengan puteri raja Kelantan.²² Kemudiannya mereka telah dikurniakan seramai tiga orang putera dan salah seorang

²⁰ Fatimah Daud, *Perbandingan Stratifikasi Sosial Kerabat Nik, Wan dan Che di Kelantan* dalam Nik Safiah Karim (penyunting), *Kelantan dalam Perspektif Sosio-Budaya : Satu Kumpulan Esei*, Siri Penerbitan Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Bil.3, 1985, hlm. 229 – 244.

²¹ Lihat Wan Shafiah Wan Shafei, *Stratifikasi Sosial Kerabat Nik, Wan dan Che’ ; Satu Kajian Kes di Kuala Terengganu*, Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1982/83.

²² Abdullah Muhammad, *Keturunan Raja-Raja Kelantan dan Peristiwa Bersejarah*, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, 1981, hlm. 41.

daripadanya bernama Ali Nurul Alam (Pateh Aria Gajah Mada) yang menjadi Perdana Menteri Majapahit di Kelantan telah menurunkan generasi keturunan Wan. Malah anak Ali Nurul Alam tersebut yang bernama Alimuddin (Wan Demali) menjadi nenek moyang sebahagian daripada keturunan Wan di Patani, Kelantan, Terengganu dan lain-lain tempat.²³

Demikian juga, hal tersebut telah disentuh oleh seorang pengkaji sejarah Terengganu iaitu Mohamad bin Abu Bakar²⁴ di dalam artikel yang bertajuk *Haji Wan Abdullah bin Haji Wan Mohd. Amin (Tuk Syeikh Duyong)*.

Dalam hal ini, beliau meninjau beberapa pendapat yang menyentuh asal-usul keturunan WAN iaitu sama ada terdiri daripada seorang Nakhoda Wangkang (Champa) atau Fakih Ali al-Malbari (Bugis). Terdapat tiga pendapat utama yang menjadi sandaran penulis tersebut yang dipetik daripada salasilah tertentu iaitu:

- a. Salasilah simpanan Haji Wan Ab.Rahman bin Long (Datuk Purba Diraja) dan Wan Su bin Haji Mohd. Salleh (Cicitnya).
- b. Salasilah simpanan Haji Mohd. Salleh bin Haji Awang – salasilah dari Patani.
- c. Salasilah simpanan Datuk Perdana Menteri Paduka Raja Kelantan (JMBRAS, Ogos 1934).

²³ *Ibid.*

²⁴ Mohamad bin Abu Bakar, *Haji Wan Abdullah bin Haji Wan Mohd. Amin (Tuk Syeikh Duyong)*, PESAKA IV, Monograf Lembaga Muzium Negeri Terengganu, 1987.

Menurut susur galur sejarah dari salasilah Haji Wan Abdul Rahman bin Long tersebut, didapati bahawa asal keturunan Wan di Terengganu adalah datangnya daripada Nakhoda Wangkang yang juga dikenali sebagai Tok Masjid. Nakhoda Wangkang ini yang dikatakan berasal dari negeri Champa (Kemboja) telah memeluk agama Islam di Patani setelah kapalnya karam dan terdampar di Patani. Beliau lebih dikenali sebagai Si Wan sebelum daripada memeluk Islam dan oleh kerana mempunyai tingkah laku yang baik, maka dijodohkan dengan anak angkat Raja Patani iaitu puteri Laksamana Johor. Hasil daripada perkahwinan tersebut telah melebarkan generasi Wan hingga ke peringkat Tok Syeikh Duyong (Haji Wan Abdullah) dan Tok Syeikh Abdul Kadir Bukit Bayas serta lain-lain golongan pentadbir agama atasan di Terengganu.

Namun demikian, salasilah kedua dan ketiga dari Patani dan Kelantan pula mencatatkan bahawa keturunan Wan di Terengganu tersebut adalah datangnya daripada seorang putera keturunan Raja Bugis yang bernama Ne' Ali atau Fakih Ali al-Malbari. Beliau dikatakan telah mengembara hingga ke Patani semata-mata untuk menuntut ilmu agama. Sewaktu dalam perjalanananya, beliau sempat singgah di Kota Tinggi dan berkahwin dengan Puteri Laksamana Johor dan akhirnya meneruskan perantauan hingga ke Terengganu, Kelantan serta akhirnya menetap di Patani. Mengikut salasilah ketiga pula, Fakih Ali berkahwin seramai dua orang, iaitu dengan Wan Teja (anak Laksamana Johor) dan Cik Dewi (anak Tok Masjid).

Manakala Ismail Che Daud pula menyatakan bahawa kebanyakan keluarga Wan dan Nik di Malaysia adalah berasal daripada rumpun keturunan Tok Agok dan Syeikh Faqih Ali bin Wan Muhammad bin Syeik Safiaudin.²⁵ Tok Agok @ Ya'qub @ Lim Tai Kim ini dikatakan meninggal pada 14 Rabiulawal 976H/1568M di Kerisik, Patani. Malah istilah WAN dianggap sebutan bagi bangsawan Melayu Patani sebagaimana petikan berikut:

“...Wan: sebutan bangsawan Melayu Patani... Nama-nama di dalam silsilah ini ditulis sesuai dengan nama tertulis dan nama sebutan sehari-hari menurut lidah Melayu. Sebutan-sebutan bangsawan seperti yang tersebut di atas tidak dapat dihilangkan dihapuskan karena telah menjadi satu dengan nama seseorang, kecuali yang bersangkutan tidak mau menyatakannya, tapi dalam silsilah tetap ditulis sebagaimana asalnya. Sebaliknya yang selama ini bukan bangsawan, tidak boleh dipangkal namanya ditulis bangsawan karena jelas akan mengelirukan nama seseorang dalam masyarakat. Misalnya seorang bernama Wan Husein atau Raja Ali lalu dipanggil Husein saja atau Ali saja tentu orang akan bingung, Husein yang mana atau Ali yang mana.”²⁶

Terdapat satu lagi penemuan yang dapat dibuat andaian sekiranya benar oleh pihak pengkaji sendiri, iaitu didapati bahawa berlaku percantuman antara dua keturunan Nakhoda Wangkang dan Fakeh Ali al-Malbari. Hal ini dapat dicungkil daripada sebuah salasilah yang diperolehi daripada Haji Wan Embong bin Wan Ismail²⁷, Bukit Besar, Kuala Terengganu sepetimana


²⁵ Ismail Che Daud, Pengasoh, Bil. 525, hlm. 13 dalam *Berita Harian*, 23 Jun 1997. Tok Agok ialah seorang berbangsa China yang memeluk Islam. Nama asalnya ialah Lim Toh Kian. Tok Agok berkahwin dengan Raja Nen Cahaya. Tok Agoklah yang membina masjid di Kampung Gerisik. Beliau meninggal dunia lebih kurang dua tahun sebelum Siam menyerang Patani pada 1785.

²⁶ Wan Mohd. Saghir Abdullah, *Penyebaran Islam dan Silsilah Ulama Sejagat Dunia Melayu (Jilid 2)*, Persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara & Khazanah Fathaniyah, Kuala Lumpur, 1999, hlm. vii.

²⁷ Keterangan berkenaan penemuan salasilah ini juga terdapat dalam tulisan Haji Wan Mohd. Shaghir Abdullah, *Syeikh Faqih 'Ali al-Malbari al-Fathani (Neneh Moyang Ulama dan Raja-Raja Melayu)*, hlm. 31 dalam Syeikh Faqih 'Ali al-Fathani (versi salinan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani, *Tarikh Fathani*, Persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara & Khazanah Fathaniyah, Kuala Lumpur, 1998).

contoh susurgalur pada rajah 1 di sebelah. Sekiranya penemuan ini benar, maka ianya akan menambahkan lagi beberapa pendapat seterusnya menjawab persoalan sebelum ini yang mengatakan bahawa Tok Syeikh Duyong adalah berketurunan sama ada daripada Nakhoda Wangkang ataupun Fakeh Ali al-Malbari. Malah penemuan baru ini turut menjelaskan bahawa Tok Syeikh Duyong sebenarnya berasal dari cantuman generasi dua tokoh penting iaitu hasil perkahwinan antara Wan Drahmad (generasi Fakeh Ali al-Malbari) dengan Wan Zainab (generasi Nakhoda Wangkang) yang telah melahirkan Wan Aminah (ibu Tok Syeikh Duyong).

**RAJAH 1 : PERCANTUMAN DUA GENERASI DI PATANI ANTARA
NAKHODA WANGKANG DENGAN FAKEH ALI AL-
MALBARI.**



Sumber: Disesuaikan daripada cantuman Salasilah Nakhoda Wangkang dan Fakeh Ali al-Malbari.

Generasi keluarga Wan ini bukan sahaja berperanan di Terengganu, malah turut memainkan peranan yang amat penting dalam proses pentadbiran di beberapa buah negeri yang lain termasuk Kedah, Pahang dan juga Kelantan. Golongan ini menduduki status yang tinggi dalam pentadbiran dan

merupakan golongan bangsawan yang juga berkahwin dengan golongan Diraja. Sepertimana keluarga Wan yang amat berpengaruh dan berkuasa di Kedah, mereka sebenarnya berasal dari Patani. Hal ini telah diungkapkan sendiri oleh Gullick, iaitu:

“ In Kedah , for example, Sultan Ahmad Tajuddin II came to the throne as a very young man, with the support of the all-powerful *Wan family* which provided the holders of high non-royal office.”²⁸

Pada waktu tersebut, Sultan Ahmad Tajuddin II (1854 -79) telah mengahwini dua orang perempuan dari Patani iaitu Wan Jah dan Wan Hajar. Wan Jah sebagai isteri yang pertama telah melahirkan Tengku Putera (Sultan Zainal Rashid II ; 1879 - 81) , manakala Wan Hajar pula sebagai isteri kedua telah melahirkan Tengku Abdul Hamid (Sultan Abdul Hamid ; 1882 - 1943).²⁹ Malahan Wan Hajar adalah kakak Wan Mat Saman, bekas Menteri Besar Kedah.

Sementara di Terengganu pula, seorang guru sekolah iaitu Wan Abu Bakar memainkan peranan penting sebagai seorang penasihat kanan Sultan Terengganu yang turut merangka dan mengemukakan Undang-Undang Syariah Terengganu 1911 sepertimana yang diutarakan oleh Gullick :

²⁸ Gullick,J.M., *Rulers and Residents ; Influence and Power in the Malay States: 1870 - 1920*, Oxford University Press, Singapore, 1992, him. 278.

²⁹ *ibid.*

" The next step was the promulgation in 1911 of a written Constitution for Terengganu, which was believed to be the work of the Sultan advised by *Wan Abu Bakar*, a school teacher who had returned to Terengganu from Johor." ³⁰

2.3.1 PERKEMBANGAN MASYARAKAT WAN DI KUALA TERENGGANU.

a) Pola Penempatan

Berdasarkan kepada peta yang terlampir, adalah didapati bahawa beberapa tempat menjadi tumpuan penempatan masyarakat WAN di Kuala Terengganu. Penempatan awal sukar ditentukan kerana kurangnya sumber yang berkaitan, namun sekiranya melihat kepada pola majoriti penduduk yang tinggal di kawasan tersebut maka adalah jelas bahawa boleh diambil satu rumusan awal berkaitan penempatan kelompok masyarakat yang berpangkal nama WAN di Kuala Terengganu.

Berdasarkan kajian dan pemerhatian yang dilakukan, didapati bahawa kawasan penempatan awal tersebut adalah Kampung Petani, Bukit Bayas, Bukit Besar, Losong/ Chabang Tiga dan Pulau Duyong. Namun begitu, pada masa ini kumpulan masyarakat tersebut telah menetap secara menyeluruh ke serata kawasan di Kuala Terengganu khususnya dan di Terengganu amnya. Kelompok generasi yang besar masih lagi wujud di beberapa kawasan tumpuan iaitu di Kampung Bukit Bayas, Chabang Tiga/ Losong, Tanjung dan

³⁰ *Ibid.*, hlm. 151.

Pulau Duyong. Hasil penyusunan dan pencarian semula ahli keluarga dan generasi yang terbabit secara tidak langsung turut menjadi bukti kukuh kepada fakta tersebut.³¹ (lihat lampiran C : Salasilah Keturunan Fakeh Ali al-Malbari, Syeikh Abdul Kadir Bukit Bayas dan Tok Syeikh Duyong ; Salasilah A – D). Ahli keluarga generasi Tok Syeikh Duyong yang telah dikenalpasti adalah dianggarkan seramai 430 orang. Angka ini adalah merangkumi kawasan Pulau Duyong, Losong, Bukit Bayas dan Tanjung serta termasuk mereka yang telah berhijrah ke tempat lain.


Manakala kelompok yang dominan di Losong adalah merupakan turunan dari Wan Naji (adik beradik Syeikh Abdul Kadir Bukit Bayas) ~ lihat Salasilah D. Keturunannya mula berkembang setelah cucu beliau, iaitu Haji Wan Endut, berkahwin dengan Tok Wan Ngah di Losong. Haji Wan Endut merupakan seorang yang terkenal sebagai nakhoda kapal yang berdagang lembu dan garam dari Terengganu ke Patani serta seorang yang alim dan hafiz al-Quran.³² Menurut cerita yang disampaikan oleh Tuan Haji Wan Abdullah, Haji Wan Endut tersebut pernah karam di lautan dan telah dihanyutkan ke Besuki, Indonesia. Beliau yang terselamat itu diangkat sebagai guru agama di sebuah masjid oleh pihak Sultan sendiri. Malah pada

³¹ Penyusunan semula salasilah tersebut adalah daripada sumber asli yang diperolehi dari Tuan Haji Wan Embong bin Haji Wan Ismail, Bukit Besar, Kuala Terengganu ; Tuan Haji Wan Abdullah bin Haji Wan Muda, Kampung Losong Haji Long, Kuala Terengganu dan Puan Che Zainun binti Che Awang, Pulau Duyong, Kuala Terengganu (ketiga-tiganya merupakan generasi keturunan WAN di Kuala Terengganu) serta dengan kerjasama beberapa orang kurator sejarah di Muzium Negeri Terengganu. Pihak pengkaji telah membandingsuaikan salasilah yang diperolehi dengan salasilah yang terdapat di Muzium Negeri Terengganu. (lihat gambar 2.5)

³² Wawancara dengan Haji Wan Abdullah bin Wan Muda di Losong Haji Long, Kuala Terengganu pada 23 Julai 1997.

hari ini masih terdapat sebuah masjid yang diberi nama Masjid Terengganu di Besuki.

Manakala anaknya seramai empat orang masih tinggal di Kuala Terengganu iaitu Haji Wan Ahmad Keramat Bukit Bayas, Haji Wan Abdul Latif Losong, Wan Sharifah dan Wan Maryam. Haji Wan Ahmad yang tinggal di Bukit Bayas adalah seorang ulama yang begitu alim, warak dan pernah menolak tawaran sebagai mufti negeri Terengganu. Beliau beranggapan bahawa hubungannya dengan Allah akan terputus sekiranya berbaik-baik dengan Sultan atau pihak istana kerana terdapat unsur-unsur kemewahan yang mungkin melalaikan.



Gambar 2.5 : Salasilah asal yang disimpan oleh Tuan Haji Wan Embong bin Wan Ismail.



Gambar 2.6 : Kampung Losong Haji Long



Gambar 2.7 : Kampung Bukit Bayas



Gambar 2.8 : Pulau Duyong

b) Pola dan Proses Asimilasi Kelompok Wan

Penghijrahan sama ada kerana faktor ekonomi, politik mahupun agama masyarakat Melayu Patani hendaklah dicatur berdasarkan kepada unsur persejarahan negeri Patani sendiri, iaitu bilamana pada waktu dahulu Terengganu sememangnya pernah berada di bawah pemerintahan kerajaan Patani Besar. Kegiatan dan aktiviti perdagangan, politik dan juga agama sudah lama berlangsung di antara negeri-negeri tersebut.

Menurut para pengkaji sejarah, golongan Wan di Patani merupakan golongan yang mempunyai status yang tinggi dan menjadi pemimpin atau aristokrat di dalam pemerintahan negara. Malah golongan ini juga seringkali diambil sebagai calon pasangan untuk berkahwin dengan golongan di raja atau kerabatnya. Hal ini jelas berlaku sepertimana peristiwa Sultan Kedah yang mengahwini perempuan dari golongan Wan dari Patani sebagai permaisurinya. Keadaan ini secara tidak langsung mengangkat martabat golongan Wan sebagai generasi yang amat dihormati sama ada di kalangan kerabat diraja ataupun rakyat.

Sementara itu, penonjolan peranan dan proses asimilasi kelompok Wan di Terengganu pula amat jelas, terutama di Kuala Terengganu. Kewujudan kelompok tersebut dalam jumlah yang begitu besar di sesebuah tempat atau perkampungan sepertimana yang ada di Pulau Duyong dengan keturunan Syeikh Daud Patani dan Tok Syekh Qadi/ Tok Syeikh Duyong; di Bukit Bayas dengan keturunan Syeikh Abdul Kadir Bukit Bayas dan di

Losong dengan keturunan Tok Wan Losong dan Tok Wan Abdul Latif Losong.

Malah pada peringkat tertentu, seringkali berlaku perkahwinan antara kelompok – kelompok tersebut dan pola perkahwinan dalaman antara kelompok ini dianggap satu kemestian dan merupakan adat tradisi yang dipegang kukuh sejak dahulu sehingga ianya mulai longgar selepas zaman pemerintahan Jepun di Tanah Melayu pada tahun 1942 –1945. Contohnya keluarga Tok Syeikh Duyong (Wan Abdullah bin Wan Mohd Amin) yang bermastautin di Pulau Duyong menunjukkan bahawa tuanpunya tanah di Pulau Duyong tersebut adalah 90 % terdiri daripada ahli keluarga ataupun generasinya.³³ (lihat Jadual 2(b) dan 2(c))

³³ Lihat C.L.M 10 'C' / 57, 28/10/1958, senarai tuanpunya tanah di Mukim Pulau Pulau, Kuala Terengganu, rujuk S.C.T 36/57 (Pt.I & III) ; 65/57 ; 79/57 & 57/57.

Berikut adalah senarai nama pemegang tanah di Pulau Duyong pada tahun 1958.

JADUAL 2(b) : SENARAI PEMEGANG TANAH DI PULAU DUYONG, 1958

NO.LOT	SENARAI PEMEGANG TANAH
1	Wan Andak binti Wan Nik Wan Nik binti Wan Embong
101	Wan Wok binti Wan Awang
103	Wan Su bin Haji Wan Mohamed Salleh
104	Wan Yusof bin Wan Chik Wan Nik binti Wan Chik Wan Muda bin Wan Chik Wan Wook binti Wan Chik Wan Mek binti Wan Chik Wan Endut binti Wan Chik Haji Wan Sulaiman bin Wan Daud Wan Endut bin Wan Daud Wan Su bin Wan Daud Wan Wook binti Wan Daud Wan Mek binti Wan Daud
105	Haji Wan Long bin Dato' Kaya Wan Aminah binti Dato' Kaya
106	Wan Nik binti Dato' Kamal Wan Mek binti Wan Daud Wan Su bin Wan Daud Wan Wok binti Wan Daud
107	Haji Mohamed bin Abdullah Wan Abdul Rahman bin Abdullah
108	Haji Wan Long bin Dato' Kaya Wan Ngah bin Wan Su
109	Wan Nik binti Dato' Kamal Wangsa Wan Su bin Wan Daud Wan Mek binti Wan Daud Wan Wok binti Wan Daud
111	Wan Su bin Haji Wan Mohamed Salleh Wan Andak binti Wan Nik Wan Nik binti Wan Embong
112	Rokiah binti Ismail
113	Haji Wan Abdul Rahman bin Wan Long Wan Aminah binti Dato' Kaya
114	Wan Su bin Haji Wan Abdul Latif
115	Wan Andak binti Wan Nik
9	Wan Ibrahim bin Dato' Kamal Wangsa Wan Ishak bin Dato' Kamal Wangsa
13	Fatimah binti Abdullah
4	Tengku Nik Maimunah binti Sultan Zainal Abidin
6	Da binti Embong Awang Tera bin Omar (Penguasa)
7	Da binti Embong Awang Tera bin Omar (Penguasa)

Sumber : Disesuaikan dari C.L.M. 10 'C' / 57, Arkib Negara Cawangan Terengganu, Kuala Terengganu.

JADUAL 2(c) : SENARAI PEMEGANG TANAH DI PULAU DUYONG, 1996

NO.LOT	SENARAI PEMEGANG TANAH
1	Wan Andak binti Wan Nik Wan Nik binti Wan Embong
101	Wan Wok binti Wan Awang
103	Wan Su bin Haji Wan Mohamed Salleh
104	Wan Yusof bin Wan Chik Wan Nik binti Wan Chik Wan Muda bin Wan Chik Wan Wook binti Wan Chik Wan Mek binti Wan Chik Wan Endut binti Wan Chik Haji Wan Sulaiman bin Wan Daud Wan Endut bin Wan Daud Wan Su bin Wan Daud Wan Wook bin Wan Daud Wan Mek binti Wan Daud
105	Haji Wan Long bin Dato' Kaya Wan Aminah binti Dato' Kaya
106	Wan Nik binti Dato' Kamal Wan Mek binti Wan Daud Wan Su bin Wan Daud Wan Wok binti Wan Daud
107	Haji Mohamed bin Abdullah Wan Abdul Rahman bin Abdullah
108	Haji Wan Long bin Dato' Kaya Wan Ngah bin Wan Su
109	Wan Nik bin ti Dato' Kamal Wangsa Wan Su bin Wan Daud Wan Mek binti Wan Daud Wan Wok binti Wan Daud
111	Wan Su bin Haji Wan mohamed Salleh Wan Andak binti Wan Nik Wan Nik binti Wan Embong
112	Rokiah binti Ismail
113	Wan Aminah binti Dato' Kaya Che Teh binti Mohd Wan Embong bin Dato' Kamal
114	Wan Su bin Haji Wan Abdul Latif
115	Wan Andak binti Wan Nik

Penguasa

Sumber : Pejabat Tanah dan Galian Negeri Terengganu, Wisma Darul Iman, Kuala Terengganu, 1996.

Berdasarkan kepada kedua-dua jadual di atas, didapati bahawa senarai pemegang tanah semenjak tahun 1958 hingga 1996 di Pulau Duyong tersebut masih lagi tidak mengalami perubahan hakmilik. Terdapat beberapa faktor

tertentu yang menyebabkan tanah tersebut tidak dipindahmilik kepada generasi yang seterusnya iaitu:

- a. Kawasan yang didiami adalah sebuah pulau yang hanya mempunyai jumlah keluasan tanah yang terhad. Oleh yang demikian, sekiranya proses penerusan pusaka dilaksanakan akan menyebabkan keluasan tanah semakin sempit bagi setiap individu.
- b. Penduduk yang tinggal di Pulau Duyong bukan sahaja terdiri daripada keturunan Tok Syeikh Duyong, malah juga termasuk mereka yang menumpang dan seterusnya mendirikan rumah di tanah yang dipunyai oleh generasi Tok Syeikh Duyong. Keadaan ini akan menyukarkan proses penurunan pusaka disebabkan mereka telah tinggal lama di Pulau tersebut dan juga keakraban dan hubungan yang erat sesama mereka sebelum ini sukar untuk dileraiakan dengan mudah.
- c. Pulau tersebut seolah-olah menjadi hak kepada keturunan Tok Syeikh Duyong kerana sebilangan besar daripadanya adalah dari keturunan yang sama. Malah sudah menjadi adat yang dipegang kukuh bahawa perkahwinan sesama sanak-saudara terdekat seperti sepupu dan dua pupu terus diamalkan. Oleh sebab itu, dirasakan bahawa tidak perlu bagi mereka untuk memikirkan hal tersebut.

Berikut adalah gambaran fizikal Pulau Duyong pada hari ini (lihat gambar 2.9 hingga 2.15)



Gambar 2.9 : Pulau Duyong telah ditambak untuk mengelakkan hakisan.



Gambar 2.10 : Jeti yang telah dimodenkan di Pulau Duyong untuk kemudahan nelayan dan masyarakat setempat.



Gambar 2.11 : Kota Duyong sedang dibaikpulih.



Gambar 2.12 : Wakil dari pihak Muzium Negeri Terengganu sedang menyelia kerja-kerja baik pulih.



Gambar 2.13 : Contoh salah sebuah rumah tradisional yang terdapat di Pulau Duyong bercirikan reka bentuk rumah Melayu Patani.



Gambar 2.14 : Masjid Pulau Duyong (Masjid Tok Hakim) yang masih mengekalkan ciri senibina dari Patani.

2.3.2 POLA PENEMPATAN MASYARAKAT MELAYU PATANI GENERASI BARU (PERSATUAN MUHAJIRIN PATANI).

2.3.2.1 Latar Belakang Penghijrahan

Pola dan bentuk penghijrahan masyarakat Melayu Patani generasi yang baru ke Kuala Terengganu bermula pada awal dekad 1980-an bilamana ramai daripadanya yang berundur meninggalkan Patani disebabkan tekanan politik. Pada waktu tersebut, pola penghijrahan adalah secara berselerak dan masing-masing membawa diri ke Kelantan dan Terengganu serta lain-lain tempat.

Faktor penolak yang mempengaruhi penghijrahan adalah terdiri daripada faktor politik dan ekonomi. Namun demikian, pada awal dekad 1980-an tersebut faktor politik menjadi sebab utama kepada penghijrahan mereka ke tempat lain, khususnya ke Terengganu.

Berdasarkan kepada kajian yang dilakukan, didapati bahawa terdapat dua peringkat penghijrahan yang dilalui oleh masyarakat Melayu Patani, iaitu peringkat pertama ialah mereka yang terus berhijrah ke Kuala Terengganu, manakala kedua ialah mereka yang menetap di Kelantan sebelum berpindah ke Terengganu. Sejumlah 40 % daripada masyarakat Melayu Patani yang berhijrah tersebut melalui peringkat yang pertama dan 60 % daripadanya melalui peringkat kedua.

Masyarakat Melayu Patani yang berhijrah ke Kuala Terengganu ini adalah berasal dari beberapa tempat di Patani seperti Penarek, Yala,

Narathiwat dan lain-lain. Jumlah tersebut dapat digambarkan dalam jadual 2(d) di bawah :

JADUAL 2(d) : TEMPAT ASAL RESPONDEN DI PATANI.

TEMPAT ASAL	BIL.	PERATUS
PATANI	11	36.7 %
PENAREK	3	10.0 %
NARA	8	26.7 %
YALA	6	20.0 %
LAIN-LAIN	2	6.6 %
JUMLAH	30	100.0 %

Sumber : **Borang Kaji Selidik**

Sementara itu, tempat atau lokasi penempatan yang ditujui di Kuala Terengganu menunjukkan pola yang berselerak dan bukannya berkelompok sepertimana yang dilalui oleh kumpulan keluarga Tok Syeikh Duyong dan Tok Syeikh Abdul Kadir. Antara tempat yang ditujui oleh masyarakat Melayu Patani ini ialah seperti Kuala Ibai, Batu Buruk, Pusat Bandar, Losong, Wakaf Mempelam, Pengadang Baru, Seberang Takir, Gong Badak dan lain-lain. (lihat Peta 1)

Pola penempatan berselerak ini adalah dipengaruhi oleh kehadiran mereka yang menyewa rumah penduduk tempatan. Keputusan mereka untuk menyewa rumah di tempat-tempat tertentu turut mempengaruhi kedudukan pola penempatan. Ini adalah kerana mereka yang baru berhijrah atau menjakkan kaki ke Kuala Terengganu adalah semata-mata disebabkan faktor-faktor tertentu termasuklah tekanan politik, desakan ekonomi dan ingin mencari penghidupan baru. Jadual di bawah menunjukkan faktor-faktor yang mempengaruhi penghijrahan Melayu Patani ke Kuala Terengganu.

JADUAL 2(e) : FAKTOR PENGHIJRAHAN RESPONDEN KE KUALA TERENGGANU.

FAKTOR PENGHIJRAHAN	BIL.	PERATUS
TEKANAN POLITIK	4	13.3 %
DESAKAN EKONOMI	10	33.4 %
MENCARI PENGHIDUPAN BARU	12	40.0 %
IKUT TEMAN/SAUDARA	4	13.3 %
JUMLAH	30	100.0 %

Sumber : Borang Kaji Selidik

Dalam pada itu, sebanyak 10 % daripada responden yang ditemuramah telah pun mempunyai tanah dan rumah sendiri walaupun baru 15 - 17 tahun menetap di Kuala Terengganu.

Masyarakat Melayu Patani yang dianggap sebagai Muhajirin Patani kini disatukan oleh sebuah persatuan yang dikenali sebagai *Persatuan*

Muhajirin Patani di Terengganu. Persatuan tersebut telah ditubuhkan pada awal tahun 1990 yang lalu dan memainkan peranan penting dalam menjaga hal ehwal kebijakan dan sebagainya. Siri pertemuan yang dianjurkan seringkali mengundang ramai ahli persatuan untuk bertemu mesra dan berbincang menyelesaikan masalah secara bersama. Contohnya, pertemuan sering diadakan di rumah Tuan Guru Haji Abdul Rahman bin Ahmad al-Fatani di Kuala Ibai di samping beberapa tempat lain.

Dalam hal ini, hubungan antara masyarakat Melayu Patani dengan kaum keluarga di Patani masih berlangsung dan mereka seringkali berulang alik antara Kuala Terengganu dan Patani. Kajian kaji selidik menunjukkan bahawa kadar kekerapan ulang alik keseluruhan responden antara Patani dan Kuala Terengganu paling kurang sebanyak sekali dalam setahun. Dalam hal ini, mereka yang pulang ke Patani setiap tahun adalah untuk menziarahi keluarga terutama pada musim perayaan Hari Raya Aidil Fitri ataupun Hari Raya Aidil Adha, urusan pengambilan pelajar Patani ke KUSZA, musim cuti persekolahan dan juga kerana urusan perniagaan. Hasil kajian menunjukkan bahawa sebanyak 95.5 % masih mempunyai hubungan langsung dengan keluarga di Patani manakala sebanyak 4.5 % pula merupakan hubungan politik.

JADUAL 2(f) : KEKERAPAN ULANG ALIK RESPONDEN ANTARA KUALA TERENGGANU DAN PATANI DALAM SETAHUN

KADAR ULANG ALIK	BIL.	PERATUS
SEKALI	6	20.0 %
DUA KALI	8	26.7 %
TIGA KALI	7	23.3 %
EMPAT KALI	6	20.0 %
LAPAN KALI	2	6.7 %
TIDAK PULANG	1	3.3 %
JUMLAH	30	100.0 %

Sumber : Borang Kaji Selidik.

Selain daripada itu, terdapat juga kadang kala rombongan dari Patani yang datang bertandang ke Terengganu singgah ke rumah ahli persatuan untuk beramah mesra dan berbincang mengenai masalah dan kehidupan sebenar masyarakat Melayu Patani di perantauan. Manakala rombongan pelajar dari pondok pengajian di Patani pula seringkali datang ke Kuala Terengganu untuk bertemu dan berbincang bersama para ahli agama atau ulama Patani yang tinggal di sana di samping meninjau peluang dan perkembangan institusi pendidikan Islam yang ada seperti Kolej Sultan Zainal Abidin(KUSZA) dan lain-lain.

Di samping itu, masyarakat Melayu Patani yang pulang ke Patani akan melibatkan beberapa hari dan juga minggu seperti mana yang ditunjukkan dalam jadual 2(g) di bawah :

JADUAL 2(g) : JUMLAH HARI YANG TERLIBAT APABILA PULANG KE PATANI

JUMLAH HARI	BIL.	PERATUS
DUA HARI	5	16.7 %
TIGA HARI	10	33.3 %
TUJUH HARI (SEMINGGU)	13	43.3 %
KELUARGA PATANI YANG DATANG (TIDAK PULANG)	2	6.7 %
JUMLAH	30	100.0 %

Sumber : Borang Kaji Selidik

Namun demikian, terdapat juga sebilangan kecil daripada mereka yang tidak pulang ke Patani disebabkan oleh faktor-faktor tertentu. Antara faktor yang utama adalah faktor politik. Pengalaman tekanan yang diterima oleh masyarakat Melayu Patani daripada pihak junta Thailand pada awal dekad 80-an turut membawa kesan yang mendalam terhadap diri dan peribadi mereka sehingga ada di antara mereka yang masih diburu oleh pihak junta tersebut. Menurut salah seorang responden yang ditemui, beliau tidak akan pulang ke Patani sehinggalah Patani dapat dimerdekakan daripada cengkaman pihak Thailand kerana sekiranya beliau bertindak pulang ke sana

bermakna maut akan menunggu. Oleh yang demikian, mereka merasakan bahawa keselamatan mereka akan terjamin apabila berada di Malaysia yang lebih aman dan tenteram. Malah selain daripada bekerja di Kuala Terengganu, mereka juga telah berjaya mempunyai tanah dan rumah sendiri serta ber ‘menantu’ kan masyarakat tempatan.

Sementara itu, kepulangan mereka ke Patani adalah melalui dua peringkat iaitu secara individu dan bersama keluarga. Menurut kajian yang dibuat, didapati sebanyak 20 % pulang secara individu dan 80 % secara berkeluarga. Masyarakat Melayu Patani yang pulang secara individu tersebut adalah disebabkan adanya urusan penting seperti perniagaan, kecemasan, pengambilan pelajar ke Terengganu dan seumpamanya. Kebiasaan urusan tersebut akan melibatkan masa selama satu atau dua hari sahaja. Manakala mereka yang pulang dengan keluarga pula biasanya akan pulang pada waktu tertentu seperti pada musim perayaan Aidil Fitri atau Aidil Adha dan semasa cuti persekolahan yang melibatkan masa empat hingga tujuh hari (seminggu).

Setiap kali berulang alik antara Patani dan Kuala Terengganu juga melibatkan kos yang meliputi kos pengangkutan, perbelanjaan, saguhati kepada keluarga di kampung dan lain-lain. Kadar kos ulang alik tersebut ditunjukkan dalam jadual 2(h) :

JADUAL 2(h) : KADAR KOS ULANG ALIK RESPONDEN DARI KUALA TERENGGANU KE PATANI.

JUMLAH KOS	BIL.	PERATUS (RESPONDEN)
KURANG RM100	-	-
RM101 – 199	2	6.7 %
RM 200 – 299	5	16.7 %
RM 300 – 399	8	26.7 %
RM 400 – 499	11	36.6 %
LEBIH RM 500	4	13.3 %
JUMLAH	30	100.0 %

Sumber : Borang Kaji Selidik

2.4 Kesimpulan

Penghijrahan masyarakat Melayu Patani ke Kuala Terengganu adalah disebabkan oleh beberapa faktor penolak dan penarik. Penghijrahan pada peringkat awal lebih banyak didorong oleh faktor penolak seperti peperangan, tetapi kemudiannya situasi politik dan ekonomi yang tidak stabil di Patani telah menyumbang kepada penghijrahan untuk mencari sumber rezeki. Pada keseluruhannya, pola penghijrahan adalah secara berkelompok dan berperingkat. Contoh yang paling jelas adalah sejumlah 80 kelamin dari Patani yang mengiringi Tun Zainal Abidin I untuk ditabalkan sebagai Sultan Terengganu yang pertama pada 1702M. Kemudiannya disusuli pula gerombolan rakyat dan ulama seperti Tok Syeikh Duyong dan Sheikh Abdul Kadir Bukit Bayas. Masyarakat Melayu Patani yang berpangkalan nama

‘Wan’ ini telah memberikan sumbangan yang amat besar kepada politik, pentadbiran, keagamaan, sosial dan ekonomi di Kuala Terengganu khususnya.

Kelompok masyarakat Melayu Patani generasi baru pula memperlihatkan pola penempatan yang berselerak kerana berhijrah bukan secara berkelompok atau berkumpulan. Aspek politik dan ekonomi menjadi faktor utama mendasari penghijrahan mereka ke Kuala Terengganu dan lain-lain tempat.